


## PROGRAM SMART UMMAH ANJURAN PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH PETALING DENGAN KERJASAMA FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG KUIS

Pada 23 Mac 2019, Fakulti Syariah dan Undang-undang KUIS telah menjalankan kerjasama bersama Pejabat Agama Islam Daerah Petaling dalam penganjuran program Smart Ummah. Program telah dilaksanakan di Apartment Idaman Damansara Damai, Selangor.

Dalam program tersebut, Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang, KUIS telah bekerjasama dalam membuka booth klinik guaman syarie secara percuma. Konsultasi guaman syarie telah diberikan oleh para Peguam Syarie dari Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM). Seramai tiga orang wakil Peguam Syarie telah hadir memberikan khidmat runding cara. Mereka ada Puan Liyana Binti Sihar, Puan Khadijah Binti Aminuddin dan Puan Faiznur Binti Ahmad Tarmizi. Klinik Guaman Syarie ini telah dibuka bermula dari jam 10 pagi sehingga 3.30 petang. Dalam tempoh tersebut seramai Sembilan orang prospek klien telah diberik konsultasi percuma.



Antara jenis kes yang dikonsultasi dalam runding cara tersebut adalah nafkah anak, harta sepencarian, hadhanah, perceraian, Faraid/Harta Pusaka dan penderaan.



### SEJARAH KLINIK RUNDING CARA SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG KUIS.

Klinik Rundingcara Syariah & Undang-undang (KRC), Fakulti Syariah dan Undang-undang, KUIS ini beroperasi secara rasminya pada 02hb Mei 2017, bagi memberi peluang kepada orang ramai yang mempunyai sebarang permasalahan berkaitan isu-isu kekeluargaan Islam mendapatkan khidmat nasihat guaman syarie secara percuma. Penubuhan KRC adalah hasil kerjasama MOU melibatkan Fakulti Syariah & Undang-undang KUIS dengan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM). Pihak PGSM akan menghantar wakil Peguam Syarie mereka bagi memberi khidmat nasihat guaman syarie secara percuma di Klinik Rundingcara Syariah dan Undang-undang ini. Orang ramai boleh mendapatkan khidmat nasihat guaman syarie secara percuma pada setiap hari Jumaat minggu pertama dan ketiga secara walk in atau temujanji.

### MATLAMAT PENUBUHAN

Tujuan dan matlamat penubuhan KRC ini secara jelasnya bagi membantu orang ramai yang mempunyai masalah guaman syarie bertemu dengan Peguam Syarie secara mudah tanpa perlu ke mahkamah atau menetapkan temujanji terlebih dahulu. Ramai di kalangan masyarakat merasa berat dan takut untuk bertemu dengan Peguam Syarie kerana khuatir dikenakan kos dan yuran perkhidmatan yang tinggi. Oleh yang demikian, dengan adanya Klinik Guaman Syarie ini, sedikit sebanyak dapat membantu orang ramai mendapatkan nasihat guaman syarie melalui saluran yang tepat secara percuma seterusnya dapat mencari jalan dalam merungkaikan kes atau permasalahan mereka di mahkamah.

### KEBERKESANAN PENUBUHAN

KRC menerima dalam lingkungan dua ke lapan orang prospek kelayan dalam sebulan. Walaupun kedudukan KRC berada di Bandar Seri Putra, Bangi namun ada di antara prospek kelayan KRC yang hadir dari luar kawasan Negeri Selangor seperti Negeri Sembilan dan Melaka. Perkara ini menunjukkan bahawa masyarakat semakin sedar bahawa nasihat guaman amat penting bagi seseorang mendapatkan maklumat yang betul berkenaan permasalahan undang-undang yang mereka hadapi sebelum mengambil sesuatu tindakan.

Disediakan Oleh;

Sekretariat Buletin

Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang  
FSU KUIS.